

8 megaMODE

Oleh NOOR FAZRINA KAMAL
Gambar HAYAT SUEET

“PADA mulanya agak terkejut apabila anak lelaki saya yang baru berusia tiga tahun meminta membelikannya permainan video Play Station (PSP) untuknya.

“Namun setelah dikenangkan kita kini berada dalam zaman teknologi informasi memang tiada apa yang menghairankan dengan permintaan tersebut.

“Cuma apa yang merisaukan saya sebagai seorang ibu ialah anak saya tidak mempunyai pergerakan fizikal maksimum yang sepatutnya ada pada usia sebegitu,” keluh seorang ibu muda, Amelia Farhana Sharidan, 24 tentang situasi yang berlaku pada anak tunggalnya itu.

Penulis yakin ramai lagi ibu ingin mengadakan perkara yang sama-anak mereka kini tidak aktif sebagaimana zaman yang pernah dilalui mereka ketika waktu kecil dahulu.

Panjat pokok, main dalam longkang, berlari berpeluh hingga lencun baju adalah satu situasi yang amat sukar dilihat pada kanak-kanak zaman ini.

Memang tidak dinafikan banyak faktor menjadi penyumbang perubahan aliran tersebut namun sebagai ibu bapa tidak dapat menyembunyikan perasaan bimbang apabila anak tidak aktif.

Namun alternatif tetap ada, terbaru, Reka Setia Playground Sdn. Bhd. (Reka) telah melancarkan pusat permainan dalam pusat membeli belah pertamanya di IOI Mall, Puchong, Selangor.

Justeru, ibu bapa tidak perlu bimbang aspek keselamatan, jangkitan kuman dan kotoran kerana taman permainan dalaman Reka Zone diilhamkan setelah mengambil kira setiap aspek tersebut.

“Keperluan permainan kanak-kanak alaf ini bukan sekadar untuk berlari dan bergayut, sebaliknya permainan yang direka untuk mereka haruslah mempunyai unsur-unsur mengasah daya pemikiran, analitikal, mencari



TAMAN Permainan Reka Zone yang membantu kanak-kanak bergerak aktif.



NORAINI Mohd. Hashim (dua dari kanan) bersama Andy Low (kanan) pada majlis pelancaran Taman Permainan Reka Zone di IOI Mall Puchong, Selangor baru-baru ini.



